SKRIP EMCEE MAJLIS MAKAN MALAM PALAPES LAUT UMP

| BIL | MASA | SKRIP | CATATAN |
| --- | --- | --- | --- |
| 1. | 2000H<br><br><br><br><br><br><br><br><br>2005H | **Para Hadirin Dipersilakan Berdiri**<br><br>**KETIBAAN MAAM PKOR DAN JURULATIHX PALAPES LAUT UMP**<br><br>Mengumumkan Ketibaan Pegawai Memerintah LT KDR Nik Zaaba bin Abdullah, Pegawai Staf LT KDR Mohd Shahid bin Mazlan, Pegawai Koordinasi Universiti Malaysia Pahang LT Dya Amirah Ayuni Binti Zainuddin Beserta Jurulatihx Palapes Laut Universiti Malaysia Pahang<br><br>**Para Hadirin Dipersilakan Duduk**<br><br>Indah Berbalam Si Awan Petang,<br>Berarak Di Celah Pepohon Ara;<br>Pemanis Kalam Selamat Datang,<br>Awal Bismillah Pembuka Bicara<br><br>Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T Dan Salam Sejahtera. Yang Berbahagia Pegawai Memerintah LT KDR Nik Zaaba bin Abdullah, Pegawai Staf LT KDR Mohd Shahid bin Mazlan, Pegawai Koordinasi Universiti Malaysia Pahang LT Dya Amirah Ayuni Binti Zainuddin, Jurulatihx Palapes Laut Universiti Malaysia Pahang serta Tuanx dan Puanx Yang Dikasihi Sekalian<br><br>Saya PKK Muhammad Haziq Irfan dan Saya PK Siti Nur Hidayah Selaku Pengacara Majlis Pada Petang Ini<br><br>**SELAMAT DATANG KAMI UCAPKAN KE MAJLIS MAKAN MALAM PALAPES LAUT UMP BAGI TAHUN 2022** | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Hadirin Dan Hadirat Sekalian, Bersyukur Kita Ke Hadrat Ilahi Kerana Dengan Izin Serta Limpah Kurnia-NYA, Kita Bersama-Sama Dapat Berkumpul Di Dewan Ini Bagi Meraikan Majlis Makan Malam Palapes Laut UMP Pada Tahun Ini. Bagi Memberkati Majlis Makan Malam Pada Petang Ini, Dijemput PK Adam Fahmi Bagi Menyempurnakan Bacaan Doa. Dipersilakan<br><br>Terima Kasih PK Adam Fahmi Atas Bacaan Doa Sebentar Tadi<br><br>**PERSEMBAHAN GABUNGAN I10 &I11**<br>Bagi Memeriahkan Majlis, Majlis Dengan Ini Menjemput Pegawai Kadet Ambilan-10 Dan 11 Bagi Menyampaikan *Sebuah Sketsa Sebagai Persembahan Pembukaan*. Majlis Dengan Ini Mempersilakan<br><br>Begitu Bertenaga Persembahan Pembukaan Sebentar Tadi | |
| 2. | 2030H | **UCAPAN PEGAWAI MEMERINTAH**<br>Tak Molek, Jika Ada Alu Tida Lesungnya<br>Tak Berguna Jika Ada Dayung Tiada Perahunya<br>Tak Lengkaplah Majlis Jika Tiada Yang Berbicara<br><br>Hadirin Hadirat Sekalian, Majlis Dengan Ini Mempersilakan Yang Berbahagia Pegawai Memerintah LT KDR Nik Zaaba bin Abdullah Untuk Memberi Ucapan Alu-Aluan. Majlis Dengan Ini Mempersilakan<br><br>Terima Kasih Tuan Atas Ucapan Sebentar Tadi | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | **UCAPAN CO I10**<br>Seterusnya, Majlis Mempersilakan Wakil Pegawai Kadet Ambilan Ke-10 PKK Amzar Aisar Bin Abdullah Untuk Menyampaikan Ucapan. Dipersilakan<br><br>Terima Kasih Tuan Atas Ucapan Sebentar Tadi | |
| 3. | 2045H<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>2055H | **JAMUAN MAKAN MALAM**<br>Kalau Pergi Tanjung Keramat,<br>Anak Manis Jangan Diangkat;<br>Bersama Kita Memohon Rahmat,<br>Moga Majlis Mendapat Berkat<br><br>Sebelum Memulakan Majlis Makan Malam Ini, Dijemput PK Adam Fahmi Untuk Membacakan Doa Makan. Dipersilakan<br><br>Sungguh Indah Bunga Kemboja<br>Mekar Tumbuh Di Pohon Cemara<br>Juadah Sudah Di Atas Meja<br>Mari Kita Menjamu Selera<br><br>Hadirin Hadirat Sekalian, Dijemput Untuk Menjamu Selera<br><br>**TAYANGAN MONTAJ**<br>Sambil Tuanx dan Puanx Menjamu Selera, Majlis Akan Diserikan Lagi Dengan Tayangan Montaj Aktiviti Palapes Laut UMP | |
| 4. | 2100H | **PERSEMBAHAN & CABUTAN BERTUAH JL**<br>Bertamu Rai Sandakan,<br>Gendang Gendut Tali Kecapi,<br>Sambil Menonton Kita Makan,<br>Pelbagai Persembahan Akan Diserikan. | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Sambil Menikmati Hidangan, Beberapa Persembahan Akan Dipersembahkan Kepada Para Hadirin Sebagai Hiburan Sampingan. Dengan Ini Majlis Memulakan Persembahan Dengan Menjemput Pegawai Kadet Ambilan-11 Untuk Menyampaikan *Persembahan Energizer Darah Muda*. Dipersilakan<br><br>Terima Kasih Ambilan Ke-11 Di Atas Persembahan Sebentar Tadi<br><br>Hadirin Dan Hadirat, Majlis Ini Diteruskan Lagi Dengan *Cabutan Bertuah Jurulatih*. Dijemput Pegawai Memerintah LT KDR Nik Zaaba bin Abdullah Untuk Membuat Cabutan. Dipersilakan.<br><br>Terima Kasih Tuan | |
| 5. | 2135H<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>2145H | **PERMAINAN**<br>Assalamualaikum Dan Salam Sejahtera, Saya PK Muhammad Iqbal Selaku Pengacara Majlis Yang Ke-3 Pada Petang Ini. Seterusya, Kita Serikan Lagi Majlis Ini Dengan *Acara Permainan*. Dengan Ini Majlis Menjemput Hadirin Dan Hadirat Untuk Menyertai Permainan Yang Telah Disediakan.<br><br>Begitu Meriah Permainan Yang Disediakan, Syabas Dan Tahniah Kepada Para Pemenang.<br><br>**PERSEMBAHAN & CABUTAN BERTUAH**<br>Tibalah saat yang dinanti-nantikan. Majlis dengan ini diteruskan lagi dengan *cabutan bertuah bagi pegawai kadet*. Dijemput Pegawai Staf LT KDR Mohd Shahid bin Mazlan untuk membuat **20x** cabutan. Dipersilakan<br><br>Terima Kasih Tuan | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2200H | Sehabis Merah Daun Yang Sihat<br>Dahan Melebar Bercerita Sakan<br>Majlis Ini Mohon Berehat<br>Persembahan Tarian Kita Saksikan<br><br>Hadirin Dan Hadirat Sekalian, Majlis Ini Diteruskan Lagi Dengan *Persembahan Tarian* Daripada Pegawai Kadet Ambilan Ke-10. Majlis Mempersilakan<br><br>Wah Begitu Menarik Persembahan Yang Dipersembahkan. Terima Kasih Atas Persembahan Sebentar Tadi.<br><br>**CABUTAN BERTUAH**<br>Tanpa Melengahkan Masa, Majlis Dengan Ini Menjemput Pegawai Koordinasi Universiti Malaysia Pahang LT Dya Amirah Ayuni Binti Zainuddin Untuk Mencabut **17x** *Cabutan Bertuah* Untuk Pegawai Kadet.<br><br>Terima Kasih Puan Di Atas Cabutan Bertuah Sebentar Tadi.<br><br>Begitu Hangat Suasana Pada Petang Ini, Seterusnya Majlis Dengan Ini Menjemput GI Mohd Adil Bin Jamil Untuk Membuat **14x** *Cabutan Bertuah* Pegawai Kadet.<br><br>Terima Kasih GI Di Atas Cabutan Bertuah Sebentar Tadi. | |
| 6. | 2215H | **ANUGERAH**<br>Majlis Menjemput Yang Berbahagia Pegawai Memerintah LT KDR Nik Zaaba Bin Abdullah Diiringi Pegawai Staf LT KDR Mohd Shahid Bin Mazlan Untuk *Menyampaikan Anugerah* Kepada Pegawai Kadet Yang Terlibat. Majlis Dengan Ini Mempersilakan | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Terima Kasih Tuan Kerana Sudi Menyempurnakan Penyampaian Hadiah Sebentar Tadi. | |
| 7. | 2230H | **UPACARA MEMOTONG KEK**<br>Majlis Menjemput Tetamu Vip Beserta Pegawaix Kadet Yang Lahir Pada Bulan Disember Untuk Menyempurnakan Acara *Memotong Kek*. Majlis Dengan Ini Mempersilakan | |
| 8. | 2245H | **SESI BERGAMBAR**<br>Seterusnya, Majlis Menjemput Semua Tetamu Ke Hadapan Untuk Sesi Bergambar Sebagai Kenang Kenangan.<br><br>Dengan Berakhirlah Sesi Bergambar Itu Tadi, Maka Selesai Lah Jamuan Makan Malam Palapes Laut UMP Pada Hari Ini. Terima Kasih Hadirin Dan Hadirat Sekalian Sudi Hadir Bagi Memeriahkan Lagi Majlis Ini.<br><br>Bunga Dedap Di Atas Para<br>Anak Dusun Pasang Pelita<br>Kalau Tersilap Tutur Bicara<br>Jemari Disusun Maaf Dipinta<br><br>Di Atas Dahan Burung Tempua<br>Melihat Rusa Tepi Perigi<br>Salam Perpisahan Untuk Semua<br>Dilain Masa Bersua Lagi. | |
| 9. | 2255H | **PERGERAKAN PULANG VIP** | |
| 10. | 2300H | **BERSURAI** | |